

13/02/2003

PM, Mega dijangka bincang isu Iraq

KUALA LUMPUR: Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-

13 di sini minggu depan bagi membincangkan kemungkinan serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq.

Kuasa Usaha At Interim Kedutaan Besar Indonesia, Suherman Obon, berkata

Megawati amat memandang serius isu di Iraq dan mahu Malaysia menggunakan pengaruhnya mendesak NAM supaya lebih aktif bertindak menghalang AS daripada meneruskan niatnya melancarkan serangan ke atas Iraq.

"Di samping itu, Presiden juga mahu melihat NAM lebih berani dalam menyentuh isu dunia dan bukan hanya isu yang berlaku di kalangan negara anggotanya saja," katanya.

Selain Dr Mahathir, pemimpin negara Islam terbesar dunia itu juga dijangka mengadakan perjumpaan dengan beberapa pemimpin negara lain termasuk Bangladesh, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

"Megawati juga dijadualkan akan memberi ucapan pada Forum Perniagaan NAM

di Hotel Sunway Lagoon Resort," katanya pada sidang akhbar semasa mengadakan rumah terbuka Kedutaan Indonesia bagi menyambut Hari Raya Korban di Wisma Kedutaan itu dekat sini semalam. .

"Presiden dijangka tiba di negara ini dengan menaiki sebuah pesawat khas

pada 23 Februari dengan diiringi Menteri Hubungan Luarnya, Hassan Wirayuda

dan 90 anggota delegasi lain terdiri daripada pegawai tinggi Indonesia dan

anggota keselamatannya," katanya.

Sidang kemuncak NAM yang menemukan pemimpin dan wakil kanan kerajaan 114

negara, adalah badan tertinggi yang membuat keputusan berhubung kepentingan semua negara anggota.

Sidang kemuncak bertemakan `Meneruskan Penyuburan Semula Pergerakan NAM

akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sidang itu akan bermula dengan mesyuarat pegawai kanan pada 20 dan 21 Februari, diikuti mesyuarat peringkat menteri pada 22 Februari dan sidang

kemuncak pada 24 dan 25 Februari. Persidangan kemuncak yang lalu di Durban, Afrika Selatan dihadiri 30 pemimpin. NAM mempunyai 114 negara anggota tetapi Yugoslavia kini digantung keanggotaannya.